

UNIT 2

NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA



Sinopsis

Malaysia terdiri daripada 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan. Unit ini membincangkan negeri-negeri di Malaysia. Negeri-negeri ini mempunyai seorang ketua negeri dengan gelaran tersendiri. Selain itu, unit ini menerangkan ibu negeri dan bandar diraja. Setiap negeri mempunyai bendera, lagu dan jata sebagai lambang kemegahan dan kedaulatan.



Apakah yang akan anda pelajari?

- 1 Nama negeri-negeri di Malaysia.
- 2 Ketua-ketua negeri bagi negeri-negeri di Malaysia.
- 3 Ibu negeri dan bandar diraja.
- 4 Bendera, lagu dan jata sebagai lambang negeri.



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

- 1 Mengkaji asal usul nama negeri-negeri di Malaysia.
- 2 Membuat interpretasi maksud lagu negeri sebagai lambang negeri.
- 3 Mencari persamaan pemilihan sesebuah daerah sebagai bandar diraja di dalam sesebuah negeri.



Laut China Selatan



Sabah



Wilayah Persekutuan
Labuan



Sarawak



Nilai Teras Sivik

- Hormat-menghormati
- Bertanggungjawab



Nama Negeri-negeri di Malaysia

Setiap negeri di Malaysia mendapat nama dengan cara yang tersendiri. Terdapat pelbagai sumber yang mencatatkan asal usul nama negeri di Malaysia sama ada secara bertulis ataupun lisan.



Perlis

- Nama Perlis dipercayai berasal daripada perkataan Siam, "prow-lowy" yang bermaksud "kelapa hanyut".
- Nama Perlis juga dikatakan berasal daripada "peroleh" yang dikaitkan dengan peristiwa Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II mengurniakan mandat kepada Raja Syed Hussin Jamalullail kerana membantu Perlis menentang Siam.

Sumber: Hazman Hassan dan Mohd Kasturi Nor Abd. Aziz, 2021. *Salasilah Perlis Asal Usul Pemerintahan Jamalullail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kedah

- Nama Kedah dikatakan berasal daripada perkataan "Kheddah", bermaksud perangkap gajah.
- Terdapat juga pendapat yang mengatakan nama Kedah daripada perkataan Arab, "Qadah" yang bermakna cawan atau gelas berkaki yang kerap dijual oleh pedagang Arab di Alam Melayu.
- Tulisan-tulisan Tamil mencatatkan Kedah sebagai "kadaram" atau "kalagam".

Sumber: Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, 2016. *Sejarah Kedah Dua Millenia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.



Pulau Pinang

- Nama asal Pulau Pinang ialah Pulo Ka Satu. Namun begitu, bagi orang Melayu dari Kedah, mereka menggelarnya Tanjong Penaga berdasarkan pokok penaga yang banyak terdapat di pulau tersebut.
- Nama Pulau Pinang juga dikaitkan dengan buah pinang yang merupakan bahan dagangan penting.

Sumber: Noriah Mohamed, Muhammad Haji Salleh dan Mahani Musa, 2006. *Sejarah Awal Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.



"Tak kenal maka tak cinta".
Kaitkan peribahasa ini dengan rasa cinta akan negeri anda.

Perak

- Nama Perak dikatakan bersempena dengan "kilatan ikan di dalam air" yang berkilau seperti perak.
- Terdapat juga pandangan yang mengaitkan nama Perak dengan warna bijih timah putih berkilat yang banyak terdapat di negeri itu.

Sumber: Raja Masitah Raja Ariffin, Che Ibrahim Salleh, Norazlina Mohd Kiram dan Hasnah Mohamad, 2016. *Etimologi Nama Negeri di Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.



Selangor

- Nama Selangor dikatakan bersempena dengan pokok mentagau yang banyak terdapat di kuala sungai ketika itu. Pedagang yang singgah di kuala sungai ini kemudiannya menyebut kuala selangau, akhirnya menjadi Kuala Selangor.
- Nama Selangor juga dikaitkan dengan sejenis serangga, iaitu selangur (sangur) yang banyak terdapat di sungai ketika itu.

Sumber: Buyong Adil, 1981. *Sejarah Selangor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.



Negeri Sembilan

- Nama Negeri Sembilan terbentuk daripada gabungan sembilan buah luak. Luak asal pada tahun 1773, iaitu Sungai Ujong, Jekebu, Rembau, Johol, Jelai, Ulu Pahang, Naning, Segamat dan Klang.
- Perkataan negeri dikatakan berasal daripada perkataan "nagari" dalam dialek Minangkabau yang bermaksud wilayah.

Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 1987. *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd.




Sumber: Lembaga Muzium Negeri Sembilan.

Melaka

- Mengikut sumber Arab, nama Melaka disebut "Malakat" yang bermaksud perhimpunan para pedagang.
- Nama Melaka juga dikatakan bersempena dengan nama pokok tempat Parameswara berehat ketika menyaksikan kejadian pelanduk putih kecil menendang anjing pemburuannya.

Sumber: Zakiah Hanum, 1989. *Asal Usul Negeri-negeri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Times Books International.



Johor

- Nama Johor dikatakan berasal daripada perkataan Arab, "Jauhar" bermaksud batu permata yang bernilai.
- Nama Johor juga disebut dalam naskhah *Sulalatus Salatin* sebagai Ujong Tanah.

Sumber: Zakiah Hanum, 1989. *Asal Usul Negeri-negeri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Times Books International.



Pahang

- Nama Pahang diambil bersempena dengan nama pokok mahang.
- Dalam *Sulalatus Salatin*, nama Pahang dikenali sebagai Inderapura atau Pura. Pura bermaksud bandar atau pekan.

Sumber: Buyong Adil, 1984. *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.



Terengganu

- Nama Terengganu dikatakan berasal daripada sebutan "taring anu", iaitu taring besar seperti gading gajah atau binatang liar lain yang dijumpai di Pulau Duyong.
- Nama Terengganu juga bersempena dengan perkataan "terangnya ganu" yang dikaitkan dengan pelangi.

Sumber: Muhammad Salleh Haji Awang, 1992. *Sejarah Darul Iman hingga 1361H=1942M*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu.



PAK-21 Jalan Galeri (Gallery Walk)

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki mencari maklumat tentang asal usul nama negeri dan keistimewaan setiap negeri.
3. Dengan menggunakan peta buih i-Think, tuliskan cara menyatakan rasa bangga terhadap warisan negeri-negeri di Malaysia.
4. Tampil hasil tugasan dalam kelas. Murid dari kumpulan lain akan meletakkan komen tentang hasil tugasan kumpulan lain dengan menggunakan nota pelekat.

AKTIVITI

Kesahan bukti

Dengan melakukan kaedah temu bual, cari bukti asal usul nama tempat tinggal dan negeri anda.





Kelantan

- Nama Kelantan dikatakan berasal daripada perkataan "kilatan", iaitu cahaya terang yang dilihat oleh masyarakat Melayu Patani. Perkataan kilatan ini lama-kelamaan menjadi Kelantan.
- Nama Kelantan juga bersempena dengan nama pokok "gelam hutan" atau "kelam hutan" yang ditemukan di pesisir pantai negeri Kelantan dahulu.

Sumber: Arba'iyah Mohd Noor, "Perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan" dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah (Malaysia In History)*, Vol. 36, hlm. 68-83, 2008.

Sarawak

- Nama Sarawak dikaitkan dengan Sungai Serak. Nama ini lama-kelamaan berubah menjadi Sungai Sarawak bersempena dengan sejenis galian bijih yang disebut sarawak.
- Terdapat juga pendapat yang mengatakan nama Sarawak diambil daripada panggilan Portugis yang dikaitkan dengan "cerava", iaitu sejenis logam antimoni.

Sumber: S. Baring Gould, 2019. *A History of Sarawak*. Kuala Lumpur: Silverfish Books.



Sabah

- Nama Sabah dikaitkan dengan "pisang saba" yang banyak ditanam di pantai barat Sabah sebagai sumber makanan.
- Nama Sabah juga tercatat dalam dokumen sejarah bertajuk "Maharajah of Sabah" pada tahun 1877.

Sumber: P. J. Rivers, "The Origin of 'Sabah' and A Reappraisal of Overbeck as Maharajah" dlm. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* Vol 77, No 1 (286), 2004.



TAHUKAH ANDA?

- Wilayah Persekutuan terdiri daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- Nama Kuala Lumpur dikaitkan dengan muara sungai yang dipenuhi lumpur akibat kegiatan melombong bijih timah di Sungai Gombak dan Sungai Klang.
- Nama Labuan dikatakan berasal daripada perkataan "labuhan" yang bermaksud tempat persinggahan kapal.
- Nama Putrajaya bersempena dengan nama Tunku Abdul Rahman Putra, manakala jaya bermaksud kemenangan atau menuju ke puncak.

Terdapat pelbagai sumber tentang asal usul nama negeri di dalam negara kita. Apabila mengenali nama-nama ini, kita akan lebih berasa bangga akan warisan alam yang sering dikaitkan dengan nama sesuatu tempat.



10.2.1

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali asal usul nama negeri-negeri di Malaysia, terutama daripada sumber lisan dan sumber tulisan.



Ketua-ketua Negeri di Malaysia

Ketua negeri merupakan tonggak utama pemerintahan sesebuah negeri. Gelaran yang berbeza-beza antara ketua negeri memperlihatkan keunikan negara kita.

Sultan atau Raja

Gelaran sultan digunakan di Kedah, Perak, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Gelaran raja pula digunakan di Perlis.



Istiadat pertabalan Raja Perlis, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.
Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia.



DYMM Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.
Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia.

Yang di-Pertuan Besar

Gelaran ini digunakan di Negeri Sembilan.



Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Sarawak.
Sumber: Utusan Borneo.



Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar Datuk Haji Mahiruddin dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah.
Sumber: Utusan Borneo.

Yang di-Pertua Negeri

Gelaran ini digunakan di Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah.

Sikap menghormati dan taat setia kepada raja dapat dipupuk dengan mengenali ketua negeri.



TAHUKAH ANDA?

?? Ketua negeri bagi Wilayah Persekutuan ialah Yang di-Pertuan Agong.



Apakah kepentingan taat setia dan menghormati ketua negeri?

NOTA GURU

- Bantu murid mengenali gelaran ketua-ketua negeri di Malaysia.





Ibu Negeri dan Bandar Diraja

Setiap negeri di Malaysia mempunyai ibu negeri. Terdapat beberapa buah negeri yang mempunyai bandar diraja.



Ibu negeri merupakan pusat pentadbiran bagi sesebuah negeri. Ibu negeri ini berkembang disebabkan oleh pembangunan pentadbiran, mempunyai kemudahan asas dan institusi pendidikan serta menjadi tempat tumpuan pekerjaan.

Bandar diraja ialah bandar yang terdapat warisan sejarah. Contohnya, istana, bangunan pembesar, kedai lama, muzium dan galeri serta monumen.

Sebagai rakyat yang cinta akan negara, kita perlulah mengenali ibu negeri dan bandar diraja di negara kita. Kita mestilah memelihara dan memulihara serta menghargai warisan sejarah yang terdapat di situ.



Cadangkan langkah-langkah untuk memelihara dan memulihara warisan sejarah negeri seperti istana atau bangunan pentadbiran yang lama di negara kita.



TAHUKAH ANDA?

Wilayah Persekutuan tidak mempunyai ibu negeri dan bandar diraja.



10.2.3
K10.2.7

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali ibu negeri dan bandar diraja yang terdapat di negara kita.



Bendera, Lagu dan Jata sebagai Lambang Negeri

Sebagai negeri berdaulat, setiap negeri di Malaysia mempunyai bendera, lagu dan jata tersendiri. Lambang-lambang ini membentuk identiti negeri masing-masing.

Bendera



Terengganu



Perlis



Selangor



Negeri Sembilan



Johor

Lagu

Selamat Sultan



Aamiin-Aamiin



Duli Yang Maha Mulia



Berkatlah Yang di-Pertuan Besar



Lagu Bangsa Johor



Jata



Sumber: Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa,
Jabatan Perdana Menteri.

Bendera



Kelantan



Perak



Kedah



Pahang



Sabah



Sarawak

Lagu


Selamat Sultan



Allah Lanjutkan
Usia Sultan



Allah Selamatkan
Sultan Mahkota



Allah Selamatkan
Sultan Kami



Sabah Tanah Airku



Ibu Pertiwiku



Jata



Maklumat bendera,
lagu dan jata negeri

IMBAS SAYA



CEPAT JAWAB

Namakan negeri yang
menggunakan lambang
pokok padi dalam jata
negerinya.

Bendera



Melaka



Pulau Pinang



Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Wilayah Persekutuan Labuan



Wilayah Persekutuan Putrajaya

Lagu

Melaka Maju Jaya



Untuk Negeri Kita



Maju dan Sejahtera



Jata



Sumber: Setiausaha Kerajaan Negeri

Mengenal bendera, lagu dan jata setiap negeri menjadikan kita lebih sayang dan setia akan negara. Sebagai rakyat, kita perlu menghormati setiap identiti yang menjadi lambang kemegahan negeri.

Apakah kepentingan menghormati lambang negeri?



PAK-21 Rally Table

1. Guru memainkan lagu negeri tertentu.
2. Murid dalam kumpulan secara bergilir-gilir mendengar lagu negeri tersebut dan cuba memahami maksud liriknya.
3. Murid perlu menerangkan maksud lirik lagu tersebut kepada ahli kumpulan lain.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal bendera, lagu dan jata negeri di negara kita.





IMBAS KEMBALI

Nama Negeri-negeri di Malaysia

- Perlis
- Kedah
- Pulau Pinang
- Perak
- Selangor
- Negeri Sembilan
- Melaka
- Johor
- Pahang
- Terengganu
- Kelantan
- Sarawak
- Sabah
- Wilayah Persekutuan

Ibu Negeri dan Bandar Diraja

Ketua-ketua Negeri di Malaysia

- Sultan atau Raja
- Yang di-Pertuan Besar
- Yang di-Pertua Negeri

Bendera, Lagu dan Jata

Setiap negeri mempunyai bendera, lagu dan jata sebagai identiti negeri tersebut.



Unit ini membincangkan nama negeri-negeri di Malaysia, ketua-ketua negeri, ibu negeri dan bandar diraja yang terdapat di negara kita. Selain itu, turut dibincangkan ialah bendera, lagu dan jata sebagai lambang negeri di Malaysia. Unit ini mampu menaikkan rasa cinta akan negara dengan lebih mendalam. Unit seterusnya akan membincangkan Rukun Negara yang membentuk jati diri rakyat Malaysia.



FIKIR DAN JAWAB

Isikan petak kosong dengan nombor bendera pada negeri dan Wilayah Persekutuan di bawah.



Sarawak

Pahang

Kedah

Terengganu

Perlis

Negeri Sembilan

Johor

Kelantan

Melaka

Pulau Pinang

Sabah

Wilayah Persekutuan

Selangor

Perak



IMBAS SAYA

Fikir dan jawab



CINTA AKAN NEGARA

Mengenali setiap negeri mampu melahirkan semangat patriotik dan bangga akan keistimewaan Malaysia di persada dunia.



Diri

Mengenali nama negeri, bendera dan jata dapat menyuburkan perasaan sayang akan negara.

Masyarakat

Masyarakat yang sayang akan negara dan rajin berusaha mampu meningkatkan imej negara di persada dunia.

SK TAMAKAL SATAP SUBIS

Negara

Apabila kita dikenali di persada dunia, maka negara kita akan terus maju dan dihormati masyarakat dunia.